



# Saifuddin saman Zuraida

Setiausaha Agung  
PKR dakwa  
difitnah naib  
presiden parti

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nusantara Ismail, mengesahkan sudah mengemukakan surat saman kepada naib presiden parti, Zuraida Kamaruddin, selain surat tunjuk sebab atas salah laku disiplin.

Saifuddin berkata, surat saman berkenaan dikeluarkan peguamnya selepas Zuraida didakwa mengeluarkan pertuduhan fitnah terhadap dirinya, manakala surat tunjuk sebab adalah daripada Lembaga Disiplin parti.


"Selain surat lembaga Disiplin, saya ada bagi satu lagi surat saman yang dikeluarkan secara peribadi dan tiada kena mengena dengan parti."

"Ia adalah atas ucapan dia (Zuraida) yang mengandungi unsur pertuduhan dan fitnah terhadap saya, dan saya minta peguam menghantar (surat saman)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di sini, semalam.

Pada majlis itu, Saifuddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, turut merasmikan wajah baru portal kementerian berkenaan.

Penambahbaikan terhadap laman web berkenaan lebih mesra pengguna dengan reka bentuk menarik serta mudah dicapai un-



**Saifuddin (tengah) merasmikan wajah baharu portal Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, di Putrajaya, semalam.**

(Foto BERNAMA)

tuk akses lokasi pengguna.

Ditanya sama ada surat tunjuk sebab kepada Zuraida sudah dibalas atau sebaliknya, Saifuddin tidak mengetahui hal berkenaan kerana berada di bawah bidang kuasa Lembaga Disiplin.

"Saya tidak tahu sama ada dia dah bagi (jawab) surat atau belum. Apa yang saya tunggu daripada Zuraida ialah surat saman yang diberikan kepadanya, itu sahaja," katanya.

Pada 18 Januari lalu, Zuraida dilaporkan mempunyai 14 hari bagi menjawab surat tunjuk sebab yang dikeluarkan terhadapnya atas dakwaan salah laku disiplin.

Ia merujuk kepada ucapan Zuraida pada satu majlis makan ma-

lam di sebuah hotel di ibu negara selepas berakhir Kongres Nasional PKR di Melaka, 8 Disember lalu.

Pada majlis itu, Zuraida yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, antara lain mengeluarkan kritikan secara terbuka kepada beberapa pimpinan tertinggi parti termasuk Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Di Kuala Lumpur, pegawai Zuraida mendakwa belum menerima notis tuntutan atau saman daripada Saifuddin.

Setiausaha Politik Zuraida, Nor Hizwan Ahmad, dalam satu kenyataan semalam berkata, laporan media mengenai surat sa-

man itu dianggap bersifat manipulatif terhadap situasi yang berlaku ketika ini.

"Zuraida kini berada di luar kawasan atas urusan kerja dan beliau sendiri mengesahkan tiada sebarang bentuk notis atau surat saman diterimanya daripada pihak Saifuddin seperti yang dimaksudkan (dilaporkan)," katanya.

Sementara itu, BH difahamkan, kakitangan daripada pejabat Zuraida akan menyerahkan jawapan balas kepada surat tunjuk sebab Lembaga Disiplin PKR di ibu pejabat parti itu, hari ini.

"Esok (hari ini) serah surat disiplin ke ibu pejabat," katanya.